



PEJABAT YB TIMBALAN MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Aras 4, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

CADANGAN HARGA SILING RM100 BUFET RAMADAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

PUTRAJAYA, 15 MAC 2022 – Pandemik COVID-19 telah memberi impak yang besar terhadap sektor ekonomi negara termasuk sektor perhotelan dan pelancongan domestik khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Pada tahun lalu sahaja lebih 100 hotel gulung tikar akibat kerugian besar yang ditanggung lantaran sekatan rentas negara, negeri dan daerah yang merekodkan sifar pendapatan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu.

Sebagai salah satu usaha untuk membantu industri perhotelan di Wilayah Persekutuan, YB Datuk Seri Jalaluddin bin Alias, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan hari ini mengambil inisiatif untuk mengadakan perbincangan dengan pemilik-pemilik hotel di Wilayah Persekutuan dan mencadangkan agar menetapkan harga siling RM100 seorang bagi perkhidmatan Bufet Ramadan yang boleh dijadikan sebagai salah satu daya penarik bagi hotel-hotel dalam Wilayah Persekutuan.

Industri perhotelan ini adalah salah satu industri yang sangat penting terutama sekali dalam menyokong aktiviti pelancongan domestik dan antarabangsa di negara ini. Di Wilayah Persekutuan sahaja terdapat 175 buah hotel yang berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia yang merangkumi 146 di Kuala Lumpur, 7 di Putrajaya dan 22 lagi di Labuan. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, 105 buah hotel mempunyai kemudahan dapur dan restoran untuk menyediakan sajian makanan seperti Bufet Ramadan.

Cadangan penetapan harga siling ini dapat membuka peluang lebih besar kepada orang ramai untuk menikmati hidangan berbuka puasa secara eksklusif melalui Bufet Ramadan di hotel-hotel berkaitan pada kadar harga yang berpatutan. Pada masa yang sama, inisiatif ini juga mampu menarik minat orang ramai untuk berbelanja serta menginap di hotel-hotel pada musim Ramadan. Para pengusaha hotel juga digalakkan untuk mengambil peluang ini bagi meningkatkan pendapatan hotel mereka melalui potongan harga sehingga 50 peratus kepada mereka yang ingin menginap.

Diharapkan pengusaha-pengusaha hotel di Wilayah Persekutuan menyokong inisiatif ini dan meningkatkan pendapatan mereka serta merencanakan kembali industri perhotelan di Wilayah Persekutuan disamping membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada “Keluarga Malaysia” dalam industri perhotelan.

Datuk Seri Jalaluddin bin Alias
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan
15 Mac 2022